

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.05.2015

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan anggaran pendapatan yang diperoleh dengan mengenakan GST ke atas pesakit melalui yuran profesional yang dikenakan oleh doktor bebas di hospital swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan jagaan kesihatan

yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan (klinik, hospital, pusat rawatan dialisis dan seumpamanya) yang didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 adalah dikecualikan dari GST. Ini bermaksud hospital atau klinik tidak akan mengenakan GST ke atas perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada pesakit. Walau bagaimanapun, GST pada kadar 6% dikenakan ke atas caj rawatan atau perkhidmatan rundingan yang diberikan oleh doktor bebas (*independent doctor*). Pengenaan GST ini adalah tertakluk kepada samada doktor tersebut berdaftar di bawah GST.

Pihak Kerajaan masih belum boleh menyatakan anggaran pendapatan yang diperolehi dengan GST yang dikenakan ke atas caj rawatan atau perkhidmatan rundingan yang diberikan oleh doktor bebas (*independent doctor*). Ini adalah kerana tempoh bercukai bulanan bagi hospital dan *general practitioner* yang mempunyai pendapatan tahunan melebihi lima juta ringgit, mereka perlu untuk menghantar penyata GST-03 sebelum atau pada hari terakhir bulan berikutnya. Manakala bagi hospital dan *general practitioner* yang memperolehi pendapatan tahunan kurang daripada lima juta ringgit, mereka perlu menghantar penyata hasil

untuk tempoh tiga bulan dan tarikh akhir penghantaran penyata berkaitan ialah pada hari terakhir bulan berikutnya. Sehubungan dengan itu, kutipan hasil GST bagi kedua-dua tempoh bercukai bagi bulan April, Mei dan Jun hanya akan dapat dimuktamadkan selepas 31 Julai 2015.